

PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM POLITEKNIK: SATU KAJIAN KES (EXCELLENT POLYTECHNIC LECTURER IN ISLAMIC EDUCATION: A CASE STUDY)

Ahmad Firdaus Mohd Noor
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Mohd Noor, A. F. & Jasmi, K. A. (2013). Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Politeknik: Satu Kajian Kes (Excellent Polytechnic lecturer in Islamic Education: A Case Study) in *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013 (Proceedings of the Second Graduate Seminar Faculty of Islamic Civilization 2013)* at Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 18-19 Disember 2013, pp. 106-124. ISBN: 978-967-0194-31-8.

ABSTRACT

Transformasi pendidikan negara sentiasa seiring ke arah kemajuan dan penambahbaikan ke arah meningkatkan taraf pendidikan rakyat. Keadaan ini akan memastikan semua pelajar menikmati peluang yang sama kepada pendidikan berkualiti dan seterusnya menyemai identiti Nasional dalam diri (Abd Ghafar Mahmud, 2012). Seterusnya, transformasi pendidikan membawa revolusi dan perubahan keluarga mencapai hasrat kerajaan sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi (Najib Tun Razak, 2012; Md. Nor Yusof, 2012). Apapun di sini, perubahan dan anjakan akan bermula dengan inisiatif dan usaha murni setiap pendidik yang mahu melihat transformasi hidup masyarakat dapat direalisasikan. Profesion pendidikan dan perguruan merupakan suatu kerjaya mulia yang membina manusia terus menjadi manusia yang hebat (Jabatan Pelajaran Selangor, 2009). Hebat di sini bukan sahaja cemerlang dalam aspek keduniaan, malah membawa kemanfaatan manusia untuk berjaya di alam akhirat. Menurut Sidek Baba (2010), mahasiswa yang dididik bukanlah sasarannya bersifat robotik semata-mata, tetapi berteknologi tinggi perlu diseimbangkan dengan sentuhan keinsanan. Hal ini supaya kemajuan dan pembangunan yang bakal dibina memiliki etika yang tinggi dan luhur. Lumrah dan roda kehidupan menyebabkan insan yang bergelar pendidik sering menghadapi cabaran dan dugaan (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Cabaran yang besar dalam profesion perguruan merupakan satu usaha membangunkan generasi bangsa yang bermoral, beretika serta maju menjelang tahun 2020 (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011; Abu Bakar Nordin, 2013).

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abd Ghafar Mahmud (2012) Prakata dalam Jawatankuasa Pelaporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. (Edisi September 2012). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Jalil Othman (2007). Quality Teachers For Today and Tomorrow. *Jurnal Masalah Pendidikan*, Jilid 30(2), 2007 169-173.
- Abdull Sukor Shaari (2010). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikiran Kritis, Kreatifdan Inovatif. *Jurnal*

Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Jld 1, 1-9.

- Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa (2011). Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 21-30.
- Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah (2007) Pengajian Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Analisis dari Sudut Sejarah, Kurikulum dan Subjek. Dalam Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin. Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia, (m/s 151-177). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin (2011b). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 123-134.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Md. Yusnan Yusof, Nik Ahmad Hisham Ismail, Mohd Noor Hussin & Mujaini Tarimin (2011). Tahap Profesionalisme Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama-Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian Tentang Sikap Guru. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 149-164.
- Azizee Aziz & Laila Musa (2011). Kesediaan Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Pensyarah Politeknik. *Proceedings National Educational Colloquium Research 2011(NECOR'11)*. 2-3 November 2011. Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail (2010). Stress dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 103-136, 2010.
- Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas (2012). Zambian Teachers' Perceptions of Expert Teaching: Resourcefulness, Punctuality, and Sobriety. *International Journal of Qualitative Studies in Education*, 25:5, 583-600.
- Che Zakiah Mohamad Salim (2005). *Persepsi Murid Terhadap Personaliti Guru Pendidikan Islam di Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chee Kim Mang (2008). Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan dari Perspektif Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 23, 49-67.
- Chua Yan Piaw (2006). *Buku 1 Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)-Pendidikan Agama Islam (PAI): Satu Kajian Kes. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI2012)*. 3-6 Juki 2012. Hotel Royale Bintang, Negeri Sembilan. 1-22.
- Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafiz Omar (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Skudai: Nasmax Sdn Bhd & Fakulti Pendidikan UTM.
- Fatimah Hashim (1999). Quality Teaching Needs Quality Learning: A Consideration of What is Possible. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Jld 22, 27-46.
- Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010). *Analisis Data Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Fatimah Wati Halim (2003). Personaliti serta Hubungannya dengan Tenaga Kerja dan Kualiti Kehidupan Bekerja di Kalangan Guru. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 17:1-12, 65-81.
- Gary, T. (2009). *How to Do Your Research Project: A Guide for Students in Education and Applied Social Sciences*. London: Sage Publications LTD.
- Gay, L.R., Mills, G. E. & Air Asian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application Ed. 9*. New Jersey: Pearson Education International.
- Ghazali Darusalam (2005). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif. *Jurnal IPI, Banff*. pp. 61-82.
- Hafidah Mohamed (2001). *Pemikiran Guru Cemerlang: Implikasinya Terhadap Perkembangan Profesionalisme Guru*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jabatan Pelajaran Selangor (2009). *Guru Jutawan Akhirat*. Shah Alam: Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (2012). *Informasi Politeknik Edisi September 2012*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam, (2007). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007*. Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Kerajaan Malaysia.
- Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire (2012). *Creating Significant Learning Experiences: A Case Study in the College*

- Religion Classroom. *Thejournal of Effective Teaching*. Vol. 12, No. 3, 2012, 34-43.
- John W. Cresswell (2012). Educational Research. Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. 4th Edition. Boston, USA: Pearson Education.
- Juliyana Suparman (2007). Penilaian Pelajar Terhadap Personaliti Guru Pendidikan Islam dan Pembentukan Peribadi Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Port Dickson. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Journal Teknologi*, 56 (Sains Sosial), September 2011: 179-198.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan Amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 453-462.
- Lim Chap Sam & Chee Kim Mang (2010). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Penyelidikan*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Marian Fitzmaurice (2008). Voices from Within: Teaching in Higher Education as a Moral Practice. *Teaching in Higher Education*, Vol. 13, No. 3, June 2008, 341-352.
- Md. Nor Yusof (2012). Kata-kata Aluan dalam Jabatan Pengajian Politeknik KPT. *Informasi Politeknik Jabatan Pengajian Politeknik*. (Edisi September 2012). Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik.
- Merriam, Sharan. B. (2002). *Qualitative Research in Practice; Example for Discussion and Analysis*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 2010.
- Mohd Ghaus Ab. Kadir (2012). Kata Alu-aluan dalam Bahagian Kecemerlangan Instruksional Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). *Garis Panduan Sistem Penasihat Akademik*. (Edisi 2012). Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012). Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru. Tesis Doktor Falsafah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abdul Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abdul Rahman & Norshidah Nordin (2010). *Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Najib Tun Razak (2012). Ucapan Bajet Tahun 2013. *Pembentangan Rang Undang- Undang Perbekalan (2013)*. 28 September 2012. Dewan Rakyat, 1-71.
- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid, Mohamed Razi Mohd. Suradi (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 2004.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif Mustaffa, & Roslee Ahmad (2005). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes di Kalangan Pelajar Terhadap Bimbingan dan Kaunseling. *Seminar Kualitatif*. 21-23 Ogos 2005. Sofitel Resort Senai, 1-12.
- Nor Akmar Jais (2006). Ciri-Ciri Guru Berkesan dan Faktor Motivasi dari Persepsi Pentadbir Sekolah dan Guru. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, Jil. 60, 31-37, 2013.
- Rafifah Mohamed Salleh (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rosnah Ali (2012). Kualiti Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan al-Ghazali. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68, 2012.
- Ruth Kane, Susan Sandretto & Chris Heath (2004). *An Investigation Into Excellent Tertiary Teaching: Emphasising*

- Reflective Practice. *Higher Education* 47: 283-310, 2004.
- Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Edusystem Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012*. 07-09 Oktober 2012. The Zon Regency by the Sea Johor Bahru. 1-44.
- Saipo Ayub (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam*, 2005.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Mohd Shahril Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi (2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia. 419-432.
- Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi (2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia. 419-432.
- Scott D. & Usher R. (2011). *Researching Education: Data, Methods and Theory in Educational Enquiry*. Ed. 2. London: Continuum International Publishing Group.
- Sharil @ Charil Marzuki (2002). Ciri-Ciri Guru yang Unggul: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. Jld 22, 97-110.
- Sidek Baba (2010). 1 Malaysia-Pendidikan Asas Transformasi Negara Sejahtera dalam Shahlan Ismail. 1 Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagian Menjelang 2020. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Siti Zohara Yassin (2006). Cabaran Guru Sandaran Terlatih di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, Jilid 7, 2006.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 31-50.
- Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa & Rohany Nasir (2011). Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesion Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *wrW Usuluddin*, 27, pp. 141-156. ISSN 1394-3923.
- Wan Mat Sulaiman & Haslinda Talib (2011). Pengaruh Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Proceeding Tth International Conference on Islamic Education 2011 (ICIED 2011)*. 19-21 December 2011. Equatorial Hotel, Bangi- Putrajaya, Selangor, Malaysia. 791-804.
- Yogesh Kumar Singh (2006). *Fundamental of Research Methodology and Statistics*. New Delhi: New Age International Publishers.
- Zaharah Hussin (2008). Rekabentuk Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elia (2003). Motivasi Kendiri Guru Terhadap Profesion Perguruan. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 17:1-12, 1-12.
- Zulkifli A. Manaf (1999). Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Jld 22, 111-120.

PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM POLITEKNIK: SATU KAJIAN KES

(Peringkat Usulan)

Ahmad Firdaus Mohd Noor Kamarul Azmi Jasmi

PENGENALAN

Transformasi pendidikan negara sentiasa seiring ke arah kemajuan dan penambahbaikan ke arah meningkatkan taraf pendidikan rakyat. Keadaan ini akan memastikan semua pelajar menikmati peluang yang sama kepada pendidikan berkualiti dan seterusnya menyemai identiti Nasional dalam diri (Abd Ghafar Mahmud, 2012). Seterusnya, transformasi pendidikan membawa revolusi dan perubahan keluarga mencapai hasrat kerajaan sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi (Najib Tun Razak, 2012; Md. Nor Yusof, 2012). Apapun di sini, perubahan dan anjakan akan bermula dengan inisiatif dan usaha murni setiap pendidik yang mahu melihat transformasi hidup masyarakat dapat direalisasikan. Profesion pendidikan dan perguruan merupakan suatu kerjaya mulia yang membina manusia terus menjadi manusia yang hebat (Jabatan Pelajaran Selangor, 2009). Hebat di sini bukan sahaja cemerlang dalam aspek keduniaan, malah membawa kemanfaatan manusia untuk berjaya di alam akhirat. Menurut Sidek Baba (2010), mahasiswa yang dididik bukanlah sasarannya bersifat robotik semata-mata, tetapi berteknologi tinggi perlu diseimbang tarakan dengan sentuhan keinsanan. Hal ini supaya kemajuan dan pembangunan yang bakal dibina memiliki etika yang tinggi dan luhur. Lumrah dan roda kehidupan menyebabkan insan yang bergelar pendidik sering menghadapi cabaran dan dugaan (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Cabaran yang besar dalam profesion perguruan merupakan satu usaha membangunkan generasi bangsa yang bermoral, beretika serta maju menjelang tahun 2020 (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman, 2011; Abu Bakar Nordin, 2013).

LATAR BELAKANG PERBINCANGAN

Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), KPT Malaysia bertanggungjawab menguruskan sejumlah 30 buah politeknik yang terdiri dari tiga buah Politeknik Premier, 24 buah Politeknik Konvensional dan tiga buah Politeknik Metro. Manakala jumlah kemasukan di peringkat diploma lanjutan, diploma, dan sijil semenjak 1969-2012 mencatat 552,068 orang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012). Hal ini menunjukkan betapa besarnya peranan pendidik di politeknik, khususnya Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) untuk membangunkan begitu ramai modal insan kepada nilai ke-Islaman dan keimanan. Adalah menjadi harapan kepada para pelajar, lahir graduan yang cemerlang dalam akademik, berpengetahuan, berkemahiran, dan berketrampilan (Mohd Ghaus Ab. Kadir, 2012). Rasional kepada kajian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) ini amat relevan dengan tuntutan agama yang mengangkat dan mengiktiraf kecemerlangan dalam profesionalisme yang diceburi {*Ali 'Imran*, 3:111; *al-Baqarah*, 2:143; *al-Syura*, 42:36}. Selain

ajaran Islam, cabaran masa kini yang mencabar dan masalah sosial yang berlaku menjadikan kajian ini penting. Faktor ini merupakan sari pati kepada penerokaan yang merungkai kriteria dan ciri kecemerlangan pendidik di politeknik. Dengan keberhasilan penelitian yang mendalam akan memberikan satu garis panduan dan capaian umum PCPI di Politeknik umumnya, bahkan boleh diaplikasi sebagai penanda aras di institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Dalam pembangunan politeknik dan transformasi yang dijalankan kepadanya, peranan yang dimainkan oleh Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) amat besar kerana mereka merupakan intipati kepada pembangunan kerohanian politeknik keseluruhan. Justeru, PPI perlu memiliki nilai, daya ketahanan, kemampuan, kemahiran, dan kecemerlangan pengurusan untuk sama-sama membangunkan politeknik sebagaimana yang dituntut ajaran Islam dan agenda transformasi politeknik (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Rosnah Ali, 2012). Dalam hal ini, tiga perkara menjadi fokus perbincangan yang meletakkan kedudukan PPI perlu untuk mencapai kecemerlangan diri mereka, iaitu tuntutan Islam untuk menjadi cemerlang, cabaran pendidikan masa kini, dan isu-isu sosial dalam kalangan para pelajar.

OBJEKTIF PERBINCANGAN

Merujuk kepada kerangka kajian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik, kajian ini ingin mencapai objektif seperti berikut:

- 1) Meneroka praktik yang diamalkan oleh PCPI dalam P&P berkesan ketika di dalam kelas.
- 2) Melihat keperibadian yang dipraktikkan oleh PCPI di dalam kelas dan politeknik.
- 3) Mengkaji penguasaan ilmu PCPI yang membentuk kecemerlangan diri di dalam kelas dan politeknik.
- 4) Melihat kegiatan penyelidikan yang dilakukan oleh PCPI untuk terus berada dalam kecemerlangan.
- 5) Memperhalusi bentuk kemahiran yang dipraktikkan oleh PCPI ketika berada di dalam kelas dan politeknik.
- 6) Melihat bentuk pengamalan Islam yang diamalkan oleh PCPI ketika berada di dalam kelas dan politeknik.

KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori merupakan penjelasan yang luas dan umum mengenai perkaitan antara konsep yang dikaji sebagai penjelasan teori yang sedia ada (Sabitha Marican, 2009). Kerangka ini digunakan sebagai satu cara untuk menjelaskan teori terhadap sesuatu masalah yang dikaji (Sabitha Marican). Berdasarkan kajian ini, penyelidik ingin melihat ciri serta elemen yang menjadi tunjang terhadap kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) di politeknik. Kerangka teori ini dibangunkan hasil daripada gabungan model Kane *et al.* (2004) dan Kamarul Azmi Jasmi (2010) yang disatukan menjadi satu kerangka kajian

yang khusus. Rajah 1.1 yang dipaparkan adalah kerangka teori kajian yang akan digunakan dalam pengkajian ini.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA

+

TE RAS T RANSFORMASI POLIT E KNIK

Pensyarah C em erlang Pendidikan I dam

Rajah 1.1 Kerangka Kajian Kualitatif (Kane *et al.*, 2004 dan Kamarul Azmi Jasmi, 2010) bagi Kajian Kes Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Politeknik di Malaysia

PERYATAAN MASALAH

Dalam usaha mengukuhkan keupayaan dan kewibawaan kualiti tenaga akademik yang cemerlang di politeknik, pelbagai persoalan perlu diselesaikan. Tuntutan ajaran agama yang mengkehendaki umatnya berlumba-lumba ke arah kebaikan, ancaman sekularisme yang melanda, serangan globalisasi yang datang, kemelut gejala sosial, dan krisis keperibadian pelajar yang bercelaru menjadikan begitu pentingnya keperluan Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) yang cemerlang. Dengan adanya PPI yang cemerlang, akan menjadi tonik mujarab dalam merawat permasalahan ini. Tambahan pula permasalahan ini bukan sahaja sudah menjadi beban bahkan menjadi tugas hakiki yang mencabar.

Perkara ini menjadi keutamaan sebagai pendidik agar proses P&P yang direncanakan berada dalam keadaan yang bermutu dan berkesan. Hal ini memerlukan kewujudan seorang pendidik yang cemerlang seperti yang dinyatakan Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013), "guru berkualiti mampu melahirkan insan berkualiti".

Lanjutan dari itu, seorang pendidik harus memberi perkhidmatan bermutu dan kemahiran yang pelbagai secara luas dan mendalam (Saipo Ayub, 2005). Hal ini ditegaskan oleh Abdul Jalil Othman (2007) bahawa keperluan pendidik yang berkualiti amat mustahak dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti. Walau bagaimanapun, kajian Chee Kim Mang (2008) bercanggah seperti yang dikehendaki. Beliau mendapati kegagalan pendidik yang terlatih dalam menunjukkan mereka benar-benar profesional adalah tidak tercapai kerana tidak dapat mengawal masalah yang dihadapi dalam kelas. Masalah yang sering dihadapi seperti masalah kesukaran mengawal pelajar, masalah sikap negatif pelajar, masalah pelajar tidak minat belajar, pasif, dan gagal memahami pelajaran yang diajar. Perkara ini dikukuhkan oleh Syed Najmuddin Syed Hassan *et al.* (2009) terdapat dalam kalangan Pensyarah Pendidikan Islam yang melakukan salah laku seperti pengabaian tugas, kurang komitmen dalam kerja, kurang dedikasi, dan kurang kemampuan dari segi kepimpinan keagamaan.

Seterusnya, sekiranya pendidik yang terlatih dikatakan menghadapi pelbagai masalah dalam P&P, apatah lagi mereka yang tiada pengalaman mengajar. Perkara inilah yang membimbangkan kerana berdasarkan kepada perubahan Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa 1 Januari 2008 (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2007), Program Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) tidak lagi diambil sebagai prasyarat lantikan tetap pensyarah politeknik. Keputusan ini membolehkan syarat berkhidmat sebagai pensyarah politeknik dalam apa-apa opsyen termasuklah Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) tidak memerlukan latihan iktisas perguruan. Pensyarah-pensyarah inilah yang dikatakan tiada pengalaman mengajar (Chee Kim Mang, 2008) dan bakal menghadapi masalah penyesuaian diri. Hal ini akan memberikan masalah kepada pensyarah baru yang tiada menerima latihan ikhtisas.

Ketidakcekapan pensyarah politeknik bertambah rumit apabila program latihan keguruan disingkatkan dan kurikulum perguruan dipadatkan (Chee Kim Mang, 2008). Fenomena ini membawa impak kepada kualiti pencapaian sistem pendidikan. Rentetan isu ini, sejarah awal penubuhan politeknik menggunakan Skim Perkhidmatan Pendidikan yang diguna pakai guru-guru di sekolah. Oleh itu, mengkehendaki setiap pensyarah politeknik mempunyai kelayakan ikhtisas perguruan bagi tujuan lantikan tetap dalam perkhidmatan. Hal ini telah dilaksanakan oleh Maktab Perguruan dengan usahasama Bahagian Pendidikan Guru sehingga Disember 2007 (Jabatan Perkhidmatan Awam, 1996). Menurut Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya (BLPK) pada tahun 2007 dan 2008, pensyarah baru politeknik telah mengikuti kursus Program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (DPLI) di tiga buah universiti, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Walau bagaimanapun program ini sekali lagi mengalami perubahan sehingga membawa kepada keputusan penamatan pelaksanaannya. Bagi Sapie Sabilan *et al.* (2011) dalam usaha meningkat kualiti pendidik, kementerian hendaklah meningkatkan tahap latihan di semua peringkat dengan kurikulum yang lebih efisien.

Permasalahan berikutnya, sebagai pendidik mereka perlu bersedia menjalankan amanah di mana sahaja dan dalam apa jua keadaan yang diminta. Namun, kajian Siti Zohara Yassin (2006) mendapati terdapat pendidik yang tidak bersedia apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen dan mengajar kelas peperiksaan. Malah, tidak mempunyai pengetahuan dan tidak berminat apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran tersebut. Kemasukan pendidik yang tidak mempunyai ketrampilan, kekurangan ilmu (Mohd Sahandri Gani *et al.*, 2010) dan pengalaman, serta hanya menceburi bidang pendidikan sebagai pilihan kedua, dan eskapisme daripada masalah pengangguran menyebabkan tercalarnya profesionalisme profesion ini (Sapie Sabilan *et al.*, 2011). Kemelut ini menunjukkan pendidik masih lagi bermasalah dengan minat dan persediaan mereka tentang profesion perguruan. Dapatan tersebut merungkai kajian elemen pengetahuan yang dijalankan oleh Napisah Humni *et al.* (2004) terhadap guru pelatih di sebuah Maktab Perguruan. Kajian beliau mendapati aspek pengetahuan, pengamalan, dan penghayatan agama masih rendah terutama bab solat dan membaca al-Quran. Walaupun kajian tersebut dijalankan terhadap guru pelatih, implikasinya membawa imej yang buruk. Hal ini

kerana guru-guru pelatih kelak akan di serap berkhidmat sama ada di sekolah mahupun di politeknik mengikut opsyen masing-masing. Menurut Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa (2011), terdapat individu yang memilih pendidik sebagai kerjaya hidup, tetapi tidak mengetahui akan syarat dan kriteria berkaitannya. Perkara seperti inilah yang menyebabkan masalah kepada para pendidik Muslim yang tidak menepati waktu dan tidak sanggup bekerja di luar tugas waktu rasmi (Ariffin Mamat *et al.* 2011).

Selain masalah minat dan tidak bersedia yang dihadapi oleh segelintir pendidik, masalah pendekatan pengajaran telah diketengahkan oleh Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian (2012). Dapatannya mendapati pendidik masih mengekalkan pendekatan tradisional. Perkara ini dilihat apabila pendidik memberikan segala perincian pelajaran kepada pelajar dan pengajaran berpusatkan guru. Lebih memeranjatkan kajian beliau melibatkan guru cemerlang. Guru cemerlang menghadapi kesukaran memberi tumpuan individu semasa P&P apabila bilangan murid yang ramai di dalam kelas. Hal ini menyebabkan guru cemerlang terpaksa memilih aktiviti P&P yang berpusatkan guru, berpusatkan bahan, dan berpusatkan disiplin. Perkara ini yang akan dihadapi oleh pensyarah politeknik yang mengendalikan kuliah dalam kalangan pelajar yang ramai di dalam kelas dan di dalam bilik kuliah. Akhirnya, hal ini menyebabkan pensyarah keletihan dan merasa kurang bertenaga (Azizi Yahaya *et al.*, 2010). Perkara ini turut berlaku kepada Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) di politeknik. Kelemahan amalan pengajaran PPI akan menyebabkan proses P&P sering tidak mencapai matlamat ke arah penghayatan Islam dalam kalangan pelajar (Sarimah Mokhtar *et al.*, 2012). Hal ini juga menjadi satu faktor kemerosotan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam (Wan Mat Sulaiman & Haslinda Talib, 2011).

Selain itu, masalah kemahiran pendidik perlu diperhatikan bagi penambakan dan keperluan menghasilkan pensyarah cemerlang. Proses P&P di dalam kelas banyak melibatkan komunikasi dan pensyarah merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Kemahiran komunikasi dalam kalangan pendidik telah dikenalpasti oleh Nor Shafrin Ahmad *et al.* (2009). Beliau mendedahkan bahawa terdapat kelemahan pendidik dalam menguasai komunikasi lisan dan bukan lisan secara efektif. Kedapatan guru pelatih yang masih mengalami kesukaran menjelaskan sesuatu sebutan dengan betul, kelancaran dalam menyampaikan pengajaran, juga terbatas dengan penggunaan buku teks. Tidak terkecuali masalah intonasi, suara yang senada, dan tidak menarik. Bagi aspek bukan lisan, masalahnya ialah pendidik tidak dapat menunjukkan ekspresi muka yang bersungguh-sungguh. Ekspresi muka adalah penting semasa menerangkan atau menggambarkan sesuatu. Nor Shafrin Ahmad *et al.* (2009) juga menambah, bahawa pengetahuan dan kemahiran guru dalam mata pelajaran tidak memadai bagi pelajar untuk menerima semua maklumat yang disampaikan. Hal ini kerana aspek bukan lisan membantu pendidik semasa menyampaikan pengajaran. Aplikasi bahasa badan yang betul dan sesuai pula boleh menimbulkan situasi berkomunikasi dengan membantu apa yang ingin disampaikan.

Di samping aspek kemahiran yang masih belum dikuasai oleh pendidik, kajian Alias Mat Saad *et al.* (2011b) menemui beberapa lagi permasalahan yang perlu ditangani.

Permasalahan tersebut adalah kemudahan pembelajaran, kewangan, serta kursus dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana. Perkara ini sebenarnya tidaklah membimbangkan, akan tetapi boleh menjejaskan pengurusan kursus Pendidikan Islam itu sendiri. Tugas pendidik yang mencabar pada masa kini memerlukan sokongan kemudahan pembelajaran, kewangan, serta kursus dalam perkhidmatan untuk mengukuhkan kecemerlangan. Hal ini kerana, nisbah bilangan pelajar di dalam kelas mestilah sesuai dengan nisbah pensyarah cemerlang supaya P&P menjadi efektif (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012).

Berlainan pula, permasalahan yang diutarakan oleh Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Tugas mendidik sekarang telah hampir diserahkan sepenuhnya kepada pendidik dan institusi pendidikan tanpa penglibatan aktif masyarakat dan ibu bapa. Peranan pendidik masa kini semakin mencabar kerana bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mendidik, dan membangunkan diri para pelajar mereka. Realiti yang berlaku dari beberapa kajian lepas mendapati, masih kurang penerapan nilai murni dilakukan oleh para pendidik di dalam bilik darjah. Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010) dan Ariffin Mamat *et al.* (2011) menyatakan penekanan nilai murni yang rendah dalam kalangan pendidik akan menimbulkan kurangnya kefahaman dan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Apa yang memeranjatkan, terdapat ramai pendidik termasuk Pensyarah Pendidikan Islam, tidak dapat menjadikan diri mereka sebagai teladan dan contoh terbaik kepada para pelajar (Ariffin Mamat *et al.*, 2011).

Selain kurangnya penekanan nilai murni kepada pelajar, pendidik juga menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran *Information Communication Technology* (ICT) atau Teknologi Komunikasi Maklumat. Menurut Azizee Aziz & Laila Musa (2011), tahap kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan pensyarah di politeknik adalah sederhana tinggi. Dapatan ini mendapati tahap kesediaan penggunaan e-Pembelajaran dalam kalangan pensyarah adalah sederhana dan sikap individu juga dalam kalangan pensyarah adalah sederhana. Untuk menjadi seorang pensyarah cemerlang, tahap penggunaan ICT yang sederhana tidak memadai dan usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap ini kepada tahap yang sangat tinggi atau tinggi.

Permasalahan juga melibatkan aspek kurikulum. Senario di politeknik, kurikulum Pendidikan Islam di politeknik sering berlaku perubahan. Azizi Yahaya *et al.* (2010) menjelaskan perubahan kepada kurikulum baru menuntut pendidik berkemahiran untuk menyampaikan ilmu, serta berupaya melatih perkembangan diri pelajar secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah. Perubahan kurikulum juga menjadikan kegagalan minat dalam kalangan pelajar terhadap Pendidikan Islam selain aspek pendekatan pengajaran Pendidikan Islam yang digunakan semasa P&P (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain 2008; Kamarul Azmi Jasmi *et al.* 2011b).

Selain itu, bukan setakat perubahan kepada kurikulum sahaja, reformasi dalam sistem pendidikan telah memberi satu tekanan kerja kepada para pendidik untuk melaksanakannya (Azizi Yahaya *et al.*, 2010). Reformasi ini berlaku dalam sistem Politeknik Malaysia melalui Transformasi Politeknik (Kementerian Pengajian Tinggi

Malaysia, 2007). Pembahagian politeknik kepada tiga kategori, iaitu Politeknik Premier, Politeknik Konvensional, dan Politeknik Metro adalah suatu transformasi yang menuntut warganya terus berusaha gigih dalam merealisasikan matlamat Dasar Transformasi Nasional (Md. Nor Yusof, 2012). Perubahan yang berlaku menurut Azizi Yahaya *et al.* (2010) dan disokong oleh Syed Sofian Syed Salim *et al.* (2011) telah mengakibatkan kebanyakan pendidik tidak menyedari akan bahayanya stres yang negatif. Akibatnya, mereka mengalami implikasi kemerosotan kesihatan dan prestasi kerja berikutan melakukan tugas yang bertentangan dengan kehendak mereka.

Semua yang dibincangkan ini mengharapkan agar adanya keperluan untuk menghasilkan ciri pensyarah yang cemerlang khususnya di politeknik. Kajian-kajian lampau telah membuktikan adanya kajian yang saintifik telah dijalankan bagi merungkai ciri kecemerlangan pada seorang pendidik. Namun, semua kajian itu lebih banyak tertumpu kepada kecemerlangan diri pendidik di sekolah. Walaupun tugas hakiki pendidik di sekolah dan politeknik adalah sama untuk memartabatkan P&P berkesan, pastinya mempunyai perbezaan khusus dari segi pelajar, sukatan pelajaran, bidang kuasa, tempoh waktu bekerja, dan kehendak institusi. Kajian oleh ZulKifli A. Manaf (1999), Fatimah Hashim (1999), Hafidah Mohamed (2001), Shahril @ Charil Marzuki (2002), Fatimah Wati Halim (2003), Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elia (2003), Che Zakiah Mohamad Salim (2005), Nor Akmar Jais (2006), Juliyana Suparman (2007), Strikwerda-Brown, Joan *et al.* (2008), Fitzmaurice, M. (2008), Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas (2012) merupakan antara kajian kecemerlangan guru yang dijalankan di sekolah sahaja. Justeru itu, kajian yang lebih khusus perlu dilaksanakan dengan memberikan fokus kajian tertumpu kepada ciri Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di Politeknik.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kebenaran tanggapan yang diletakkan pada Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) yang menumpukan kepada corak P&P yang berkesan, keperibadian, penguasaan ilmu, kegiatan penyelidikan, kemahiran, dan pengamalan Islam. Kesemua ciri ini adalah aspek kecemerlangan yang telah dirangkumkan sama ada oleh pengkaji yang terdiri daripada sarjana pendidikan sebelum ini di dalam dan luar negara.

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu cadangan untuk menjalankan kajian yang mengambil kira ekpektasi dan konteks pengkaji (Gary, 2009). Hal ini dijelaskan lagi, reka bentuk kajian seperti satu peta yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu akan dijalankan. Akhirnya, terhasillah satu rangka rujuk (*blueprintj* mengenai perkara berkaitan dengan persampelan, pengukuran, dan analisis data (Sabitha Marican, 2009). Pendapat ini disokong oleh Ananda Kumar (2009) dengan merujuk kepada rancangan pemilihan sampel, pentadbiran instrumen, pengutipan, dan penganalisan data yang bertujuan menguji hipotesis atau menjawab persoalan kajian. Bagi kajian ini pengkaji telah memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian dengan pendekatan kaedah kualitatif sepenuhnya. Terdapat ramai pengkaji yang menggunakan kajian kes dalam reka bentuk

kajian mereka sebelum ini (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012; Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed, 2012; Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire, 2012).

Bagi Gary (2009), kajian kes dijalankan untuk memahami perkara yang terdapat dalam kajian itu sendiri dan bukan yang selain darinya. Hal ini kerana dalam kajian tersebut, terdapat keadaan yang khusus yang menjadikan kes tersebut menarik. Hal ini disokong Sabitha Marican (2009), bahawa kajian kes dilaksanakan untuk mengkaji, menerangkan, dan menjelaskan satu keadaan kelompok yang kecil secara mendalam (Chua Yan Piaw, 2006; Ananda Kumar, 2009) yang melibatkan penjelasan mengenai individu dan

pengalaman individu. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan kajian kes adalah penerangan dan penganalisisan terperinci sesuatu fenomena atau unit sosial seperti seorang individu, sebuah kumpulan, sebuah institusi, sebuah organisasi atau komuniti (Yogesh Kumar Singh, 2006; Ananda Kumar, 2009; Nabilah Abdullah *et al.*, 2010).

Oleh kerana kajian ini melibatkan lebih daripada sebuah politeknik, menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010), lebih tepat lagi kajian ini disebut kajian pelbagai kes (*multiple case*) atau kajian pelbagai tempat lapangan (*multisite studies*). Menurut Gay *et al.* (2009) kajian pelbagai kes adalah satu kebiasaan bagi pengkaji untuk menyelidiki kes tentang fenomena yang sama tetapi di lokasi yang berbeza. Penggunaan dalam kajian pelbagai kes penyelidikan pendidikan adalah strategi yang lazim bagi memperbaiki kesahan luaran atau kebolehan mengeneralisasikan kajian tersebut. Walau bagaimanapun, kajian boleh digeneralisasikan pada lokasi yang mempunyai ciri yang sama dan serupa. Pernyataan ini dijelaskan lagi Scott & Usher (2011). Semakin banyak kes yang dikaji, semakin luas pengkalan data yang diperolehi. Manakala dapatan juga menjadi lebih dipercayai untuk digeneralisasikan. Proses mengeneralisasikan tertumpu kepada populasi yang lebih besar atau membolehkan teori dikembangkan daripada satu atau lebih kes bagi mengkaji kes yang selanjutnya.

Data yang dikumpul dan dianalisis diambil dari pelbagai tempat lapangan kajian. Pengkaji mengambil reka bentuk kajian pelbagai kes dengan mengikut pendekatan yang digunakan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) dengan sedikit pengubahsuaian mengikut kesesuaian situasi pengkaji. Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separuh struktur sebagai sumber data utama. Sokongan data datang dari kaedah pemerhatian pada sampel kajian serta penelitian dokumen menerusi analisis dokumen yang berkaitan. Bagi memperkukuhkan data-data tersebut, pengkaji menggunakan nota lapangan dan diari sebagai pengukuhan. Kaedah nota lapangan ini juga digunapakai oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2013) dalam kajian mereka. Melalui pendekatan kualitatif dan kaedah yang digunakan, pengkaji akan melihat secara menyeluruh kesemua ciri dan elemen kecemerlangan dalam diri Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI). Ciri tersebut ialah corak P&P berkesan, aspek keperibadian, penguasaan ilmu, kegiatan penyelidikan, kemahiran yang dimiliki, serta aspek pengamalan Islam yang diamalkan dalam kehidupan. Gambaran reka bentuk kajian ini adalah seperti Rajah 3.1:



Rajah 3.1 Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes Kajian Kualitatif

POPULASI DAN PERSAMPELAN

Kaedah persampelan bukan kebarangkalian digunakan dalam penyelidikan ini. Hal ini bermaksud, pemilihan sampel secara tidak rawak akan dipilih daripada populasi kajian (Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafidz Omar, 2009). Oleh kerana kajian ini ingin melihat Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di Politeknik, pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan bagi menjawab persoalan kajian. Cara ini dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dilaksanakan kajian (Noormala Ali *et al.* 2005). Persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan untuk sekumpulan subjek yang mempunyai ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian (Chua Yan Piaw, 2006). Menurut Gay *et al.* (2009), persampelan bertujuan adalah satu proses memilih sampel. Pemilihan ini dipercayai dapat mewakili sesuatu populasi yang ditentukan yang pengkaji memilih sampel berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya terhadap kumpulan yang akan dijadikan sampel. Hal ini juga disebabkan kewujudan peserta kajian yang tidak mahu menyertai kajian dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, persampelan bagi penyelidikan kualitatif selalunya bertujuan (Gay *et al.*, 2009). Persampelan bertujuan menurut Sabitha Marican (2009) ialah pemilihan sampel dilakukan dengan membuat pertimbangan sendiri oleh pengkaji untuk memilih responden dari satu populasi yang paling sesuai dengan tujuan kajiannya. Perkara ini bermakna, subjek-subjek dalam kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden (Chua Yan Piaw, 2006).

Sehingga 31 Ogos 2012, jumlah Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) yang berkhidmat di politeknik Malaysia seramai 388 orang pensyarah (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012a). Mereka ini ada yang bertugas di Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan di politeknik sendiri. Jumlah politeknik yang diletakkan di bawah JPP pada masa kini sebanyak 30 buah. Pemilihan sampel dalam kajian ini telah dibuat terhadap empat buah politeknik yang terdapat Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) bertugas. Pemilihan ini sudah dikira mencukupi kerana pendekatan kualitatif lebih mementingkan dan menekankan pencapaian maksud tujuan kajian yang selari dan menepati kehendak objektif kajian. Pendekatan ini berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang memerlukan bilangan sampel yang ramai (Merriam, 2002; Noormala Ali *et al.*, 2005; Chua Yan Piaw, 2006; Ananda Kumar, 2009; Sabitha Marican, 2009; Nabilah Abdullah *et al.*, 2010; Lim Chap Sam & Chee Kim Mang, 2010; Cresswell, 2012). Daripada empat buah politeknik ini, PCPI, Ketua Unit PCPI, rakan setugas, dan pelajar akan dipilih untuk ditemu bual sebagai data kualitatif. Asas utama pemilihan peserta kajian berdasarkan kesediaan dan kesukarelaan mereka (Rosnah Ali, 2012). Selain itu, faktor mudah dihubungi, boleh memberikan data yang matang, tepat, dan paling banyak memberikan maklumat kepada perkara yang akan dikaji (Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012). Pemilihan sampel PCPI ini berdasarkan perkara berikut:

- 1) PCPI mestilah berkhidmat di politeknik yang menawarkan program Diploma Lanjutan (*Advance Diploma*) yang menawarkan kursus Tamadun Islam dan Asia Tenggara (TITAS). PCPI yang bertugas selain pada empat politeknik yang disebutkan, tidak termasuk dalam kajian ini. Menurut Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah (2007) kursus TITAS bertujuan memperkenalkan Islam sebagai sebuah

- tamadun yang unggul kepada pelajar pelbagai kaum dan agama yang melibatkan pelajar Islam dan bukan Islam. Kursus ini merupakan satu kesempatan, peluang, dan juga cabaran kepada PPI untuk memperkenalkan Islam kepada pelajar bukan Islam.
- 2) PCPI mestilah dalam pangkat DH 44 dan ke atas yang mana kenaikan pangkat ini diperoleh menerusi Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT). PCPI yang sudah memegang gred DH 44 dan ke atas bukan menerusi Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat dan yang masih berada dalam gred jawatan DH 41 adalah terkecuali dalam kajian ini. Pemilihan kriteria kecemerlangan kenaikan pangkat, prosesnya amat teliti dan sistematik. Setiap pemohon perlu menyediakan fail kecemerlangan mengikut aspek kecemerlangan yang diminta. Lalu fail ini akan disemak terlebih dahulu syarat dan kelayakannya oleh Ketua Jabatan Politeknik masing-masing sebelum bagi sesiapa yang berjaya akan divalidasi kecemerlangan mereka. Selain itu, keutamaan pemilihan berdasarkan PPI yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).
 - 3) PCPI yang dipilih sebagai sampel kajian mestilah mempunyai kelayakan akademik di peringkat sarjana (MA) dan ke atas atau pun mempunyai pengalaman mengajar lebih dari sepuluh tahun. Walau bagaimanapun kajian Rosnah Ali (2012) telah memilih Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam melebihi lima tahun ke atas dan dianggap sudah memadai. Untuk responden bagi PCPI yang mempunyai kelayakan pada kedua-dua syarat ini (mempunyai sarjana dan berkhidmat lebih sepuluh tahun) adalah diberi keutamaan sebagai sampel atau pun sekurang-kurangnya memenuhi satu syarat tersebut di mana syarat kelayakan akademik di peringkat sarjana adalah keutamaan. Penentuan ini diambil bagi memastikan tahap pengetahuan, kematangan, dan pengalaman PPI dalam kerjaya sebagai PPI di Politeknik.
 - 4) PCPI yang dipilih juga adalah pensyarah yang menjalankan tugas di politeknik yang menjalankan kerja kategori satu atau pun dua Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat. Pensyarah yang berada dalam kategori tiga dan empat adalah tidak termasuk dalam kajian ini. Perkara ini bermaksud hanya pensyarah yang mempunyai tugas hakiki dalam P&P sahaja dipilih. Hal ini termasuklah yang terbabit dalam jawatan pentadbiran tetapi dalam masa yang sama menjalankan tugas-tugas mengajar menjadi peserta kajian.

PENGUMPULAN DATA


Menurut Nabilah Abdullah *et al.* (2010), kajian kes merupakan jenis penyelidikan kualitatif yang kerap digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Hal ini diteguhkan Kamarul Azmi Jasmi (2010) bahawa kajian kes bertujuan dan berfungsi mengkaji sesuatu secara mendalam. Dalam kajian ini, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) dipilih sebagai sampel seperti mana yang telah dijelaskan dalam persampelan kajian. Pengumpulan data dimulakan dengan mengumpulkan data dan maklumat ciri kecemerlangan semua PCPI yang dipilih dari politeknik Malaysia. Situasi dan aktiviti kehidupan harian PCPI di politeknik diambil dan dikaji. Bahkan bahan serta maklumat yang diambil didapati bukan sahaja daripada PCPI sendiri, bahan juga diperolehi daripada Ketua Unit PCPI, rakan setugas, dan para pelajar mereka. Justeru itu, bagi pengumpulan data kajian ini, pengkaji telah memilih

temu bual, pemerhatian, dan analisa dokumen. Penggunaan kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisa dokumen sebagai kaedah pengukuran penyelidikan kualitatif merupakan sebagai triangulasi data (Ghazali Darusalam, 2005; Chua Yan Piaw, 2006; Kamarul Azmi Jasmi, 2010) dan merupakan sumber kaedah utama untuk memperoleh data (Merriam, 2002). Hal ini disokong Nabilah Abdullah *et al.* (2010), bentuk yang paling lazim dalam triangulasi melibatkan penggunaan sumber pelbagai atau penggunaan strategi pengumpulan data berbeza.

Berdasarkan Chua Yan Piaw (2006) dan Nabilah Abdullah *et al.* (2010), untuk meningkatkan kebolehpercayaan data yang dikumpul, triangulasi sering kali digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Hal ini disebabkan proses triangulasi adalah proses pengesahan melalui pelbagai sumber yang berlainan (Merriam, 2002; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010). Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010), triangulasi ialah kesahan rentasan bagi kajian kualitatif.

Berdasarkan kajian yang akan dilakukan, analisis data akan menggunakan analisis tema, iaitu secara induktif yang bererti khusus kepada am (Ananda Kumar, 2009). Kaedah temu bual merupakan data utama dalam kajian ini. Pemerhatian dan analisa dokumen pula bertindak sebagai pembuktian dan pengukuhan kebenaran data temu bual yang dijalankan. Disebabkan temu bual menjadi data utama, maka Kamarul Azmi Jasmi (2010) menjelaskan data ini boleh berdiri sendiri dalam pembinaan tema kajian kualitatif. Manakala bagi pemerhatian dan analisa dokumen, kedua-dua data dijadikan sandaran dan sokongan kepada data temu bual. Walau bagaimanapun data pemerhatian dan analisa dokumen tidak boleh dijadikan tema. Sebagai gambaran umum kepada pengumpulan data ini, ditunjukkan dalam Rajah 3.3.

i'



Data Kualitatif

Rajah 3.3 Struktur Pengumpulan Data Kualitatif

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Perhatian kepada isu kesahan dan kebolehpercayaan adalah sesuatu yang penting serta perlu diberikan kepada semua penyelidikan (Ghazali Darusalam, 2005; Zaharah Hussin, 2008; Lim Chap Sam & Chee Kim Mang, 2010). Kesahan dan kebolehpercayaan juga adalah penting untuk mempertahankan kejituan (Ghazali Darusalam, 2005; Zaharah Hussin, 2008) dan kebenaran (Zaharah Hussin, 2008) instrumen daripada terdedah dan terbuka kepada kecacatan terhadap sesuatu kajian yang dijalankan.


Bagi kajian ini melibatkan penggunaan kajian kualitatif sepenuhnya. Maka, pengkaji memastikan kajian ini mencapai kesahan dan kebolehpercayaan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kesahan dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian kualitatif ini melibatkan beberapa langkah sebagaimana yang dicadang dan digunakan sebahagian besarnya oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010). Pengesahan inventori soalan separuh

struktur oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, dan triangulasi data adalah aspek yang akan digunakan pengkaji. Selain itu, pengkaji menggunakan pengesahan peserta kajian terhadap data temu bual, laporan nota lapangan dan diari, pengesahan pakar pada tema yang dibina, serta pengiraan *Cohen Kappa* terhadap persetujuan pakar terhadap tema.

PENGANALISISAN DATA

Analisis kualitatif kajian ini melibatkan tiga jenis sumber data yang terdiri daripada temu bual, pemerhatian, dan penganalisan dokumen. Dayang Tiawa Awang Hamid *et al.* (2005), Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafidz Omar (2009) dan Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010) menjelaskan memang secara kebiasaan data kualitatif berpunca daripada pelbagai sumber dan sangat kompleks. Proses penganalisan data bagi kajian kualitatif tidak akan berlaku secara linear, malah akan diintegrasikan sebagai fasa yang bertindan (Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafidz Omar, 2009; Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010). Justeru itu, Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafidz Omar (2009) menyatakan proses pengumpulan dan penganalisan data kualitatif akan berjalan serentak. Hal ini supaya pengkaji tidak akan mengalami kehilangan maklumat penting yang hilang akibat kecuaiian pengkaji. Maka, Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010) menyatakan sikap pengkaji perlulah diubah kepada lebih terbuka, skeptikal, dan bersedia melihat perkara yang bukan kebiasaan dalam persekitaran serta maklumat yang diperoleh.

Dalam kajian ini, pengkaji membuat penganalisan data bagi data temu bual dan disokong oleh data dari pemerhatian serta analisis dokumen. Setiap data ini akan diuruskan secara sistematik supaya boleh dianalisis mengikut komponen tertentu (Fatimah Saleh & Lim Chap Sam, 2010). Bagi kajian ini, analisis akan dilakukan dengan menyusun kesemua data dengan kemas dalam bentuk teks dan laporan. Penganalisan data pula, akan mengikut langkah seperti mana yang dilakukan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) bagi menghasilkan kriteria kecemerlangan PCPI. Hal ini ditunjukkan melalui carta alir bagi kajian kualitatif yang akan dijalankan dalam Rajah 3.6.



Rajah 3.6 Carta Alir Penganalisan Data Kualitatif

PENUTUP

Secara keseluruhannya, artikel ini membincangkan secara komprehensif aspek latar belakang kajian, obkektif kajian, kerangka teori kajian, pernyataan masalah, dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini yang melibatkan reka bentuk kajian, populasi, dan persampelan kajian. Selain itu, perbincangan turut meliputi prosedur pengumpulan data, kesahan dan kebolehpercayaan, serta penganalisan data bagi menjawab enam persoalan kajian dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abd Ghafar Mahmud (2012) Prakata dalam Jawatankuasa Pelaporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. (Edisi September 2012). Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Jalil Othman (2007). Quality Teachers For Today and Tomorrow. *Jurnal Masalah Pendidikan*, **Jilid 30(2)**, 2007 169-173.
- Abdull Sukor Shaari (2010). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikiran Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Jld 1, 1-9.

- Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa (2011). Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 21-30.
- Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah (2007) *Pengajian Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Analisis dari Sudut Sejarah, Kurikulum dan Subjek*. Dalam Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin. *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, (m/s 151-177). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin (2011b). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 123-134.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Md. Yusnan Yusof, Nik Ahmad Hisham Ismail, Mohd Noor Hussin & Mujaini Tarimin (2011). Tahap Profesionalisme Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama-Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian Tentang Sikap Guru. *Proceeding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 149-164.
- Azizee Aziz & Laila Musa (2011). Kesiediaan Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Pensyarah Politeknik. *Proceedings National Educational Colloquium Research 2011(NECOR'11)*. 2-3 November 2011. Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli & Mazeni Ismail (2010). Stress dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 103-136, 2010.
- Carolyn M. Thomas & Matthew A.M. Thomas (2012). Zambian Teachers' Perceptions of Expert Teaching: Resourcefulness, Punctuality, and Sobriety. *International Journal of Qualitative Studies in Education*, 25:5, 583-600.
- Che Zakiah Mohamad Salim (2005). *Persepsi Murid Terhadap Personaliti Guru Pendidikan Islam di Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chee Kim Mang (2008). Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan dari Perspektif Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 23, 49-67.
- Chua Yan Piaw (2006). *Buku 1 Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)-Pendidikan Agama Islam (PAI): Satu Kajian Kes. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI2012)*. 3-6 Juki 2012. Hotel Royale Bintang, Negeri Sembilan. 1-22.

- Dayang Tiawa Awg Hamid & Abdul Hafiz Omar (2009). *Analisis Data Kualitatif*. Skudai: Nasmx Sdn Bhd & Fakulti Pendidikan UTM.
- Fatimah Hashim (1999). Quality Teaching Needs Quality Learning: A Consideration of What is Possible. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Jld 22, 27-46.
- Fatimah Saleh & Lim Chap Sam (2010). *Analisis Data Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Fatimah Wati Halim (2003). Personaliti serta Hubungannya dengan Tenaga Kerja dan Kualiti Kehidupan Bekerja di Kalangan Guru. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 17:1-12, 6581.
- Gary, T. (2009). *How to Do Your Research Project: A Guide for Students in Education and Applied Social Sciences*. London: Sage Publications LTD.
- Gay, L.R., Mills, G. E. & Air Asian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application Ed. 9*. New Jersey: Pearson Education International.
- Ghazali Darusalam (2005). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif. *Jurnal IPI, Banff*. pp. 61-82.
- Hafidah Mohamed (2001). *Pemikiran Guru Cemerlang: Implikasinya Terhadap Perkembangan Profesionalisme Guru*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jabatan Pelajaran Selangor (2009). *Guru Jutawan Akhirat*. Shah Alam: Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (2012). *Informasi Politeknik Edisi September 2012*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam, (2007). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007. Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi*. Kerajaan Malaysia.
- Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire (2012). Creating Significant Learning Experiences: A Case Study in the College Religion Classroom. *The Journal of Effective Teaching*. Vol. 12, No. 3, 2012, 34-43.
- John W. Cresswell (2012). *Educational Research. Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. 4th Edition*. Boston, USA: Pearson Education.
- Juliyana Suparman (2007). *Penilaian Pelajar Terhadap Personaliti Guru Pendidikan Islam dan Pembentukan Peribadi Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Port Dickson*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Journal Teknologi*, 56 (Sains Sosial), September 2011: 179-198.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- Khadijah Abdul Razak & Tengku Norhayati Tengku Othman (2011). Profesionalisme Guru Pendidikan Islam: Konsep dan Amalan. *Proceeding International Conference and Exhibition on*

- Research in Islamic and Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 453462.
- Lim Chap Sam & Chee Kim Mang (2010). *Kesabhan dan Kebolehpercayaan Penyelidikan*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Marian Fitzmaurice (2008). Voices from Within: Teaching in Higher Education as a Moral Practice. *Teaching in Higher Education*, Vol. 13, No. 3, June 2008, 341-352.
- Md. Nor Yusof (2012). Kata-kata Aluan dalam Jabatan Pengajian Politeknik KPT. *Informasi Politeknik Jabatan Pengajian Politeknik*. (Edisi September 2012). Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik.
- Merriam, Sharan. B. (2002). *Qualitative Research in Practice; Example for Discussion and Analysis*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 2010.
- Mohd Ghaus Ab. Kadir (2012). Kata Alu-aluan dalam Bahagian Kecemerlangan Instruksional Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). *Garis Panduan Sistem Penasihat Akademik*. (Edisi 2012). Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Tesis Doktor Falsafah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abdul Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abdul Rahman & Norshidah Nordin (2010). *Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif*. Dalam Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Najib Tun Razak (2012). Ucapan Bajet Tahun 2013. *Pembentangan Rang Undang- Undang Perbekalan (2013)*. 28 September 2012. Dewan Rakyat, 1-71.
- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid, Mohamed Razi Mohd. Suradi (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. /wnW *Penyelidikan MPBL*, Jilid5, 2004.
- Noormala Ali, Mohamed Sharif Mustaffa, & Roslee Ahmad (2005). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes di Kalangan Pelajar Terhadap Bimbingan dan Kaunseling. *Seminar Kualitatif*. 21-23 Ogos 2005. Sofitel Resort Senai, 1-12.
- Nor Akmar Jais (2006). *Ciri-Ciri Guru Berkesan dan Faktor Motivasi dari Persepsi Pentadbir Sekolah dan Guru*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 125-142, 2009.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, Jil. 60, 31-37, 2013.
- Rafizah Mohamed Salleh (2011). *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Rosnah Ali (2012). *Kualiti Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan al-Ghazali*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian.(2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 27, 51-68, 2012*.
- Ruth Kane, Susan Sandretto & Chris Heath (2004). An Investigation Into Excellent Tertiary Teaching: Emphasising Reflective Practice. *Higher Education* 47: 283-310, 2004.
- Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Edusystem Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012*. 07-09 Oktober 2012. The Zon Regency by the Sea Johor Bahru.1-44.
- Saipo Ayub (2005). Guru Menghadapi Perubahan. *Jurnal Institut Perguruan Islam, 2005*.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Mohd Shahril Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi(2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia.419-432.
- Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Mohd Aderi Che Noh & Muhammad Mursyid Mohd Kashfi(2012). Kajian Pengaruh Amalan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE2012)*. 01-02 June 2012. Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia.419-432.
- Scott D. & Usher R. (2011). *Researching Education: Data, Methods and Theory in Educational Enquiry*. Ed. 2. London: Continuum International Publishing Group.
- Sharil @ Charil Marzuki (2002). Ciri-Ciri Guru yang Unggul: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. Jld 22, 97-110.
- Sidek Baba (2010). *1 Malaysia-Pendidikan Asas Transformasi Negara Sejahtera* dalam Shahlan Ismail. *1 Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagian Menjelang 2020*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Siti Zohara Yassin (2006). Cabaran Guru Sandaran Terlatih di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, Jilid 7, 2006.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 31-50.
- Syed Sofian Syed Salim, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohammad Nasir Bistaman, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Muhammad Bazlan Mustafa & Rohany Nasir (2011). Peranan Kecerdasan Emosi dan Faktor Ciri-ciri Pekerjaan ke Atas Kepuasan Bekerja Dalam Profesion Perguruan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun./wrW *Usuluddin*, 27, pp. 141-156. ISSN 1394-3923.

- Wan Mat Sulaiman & Haslinda Talib (2011). Pengaruh Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Proceeding T^d International Conference on Islamic Education 2011 (ICIIE 2011)*. 19-21 December 2011. Equatorial Hotel, Bangi- Putrajaya, Selangor, Malaysia.791-804.
- Yogesh Kumar Singh (2006). *Fundamental of Research Methodology and Statistics*. New Delhi: New Age International Publishers.
- Zaharah Hussin (2008). *Rekabentuk Kandungan Kurikulum Pendidikan Akhlak untuk Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elia (2003). Motivasi Kendiri Guru Terhadap Profesion Perguruan. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 17:1-12, 1-12.
- Zulkifli A. Manaf (1999). Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Jld 22, 111-120.